

Mahathir sifatkan kenyataan Fadzil Noor bongkak

SEPANG 27 Mac — Perdana Menteri menyifatkan ramalan Presiden Pas, Fadzil Noor bahawa pilihanraya umum akan diadakan pada musim haji itu bagi menghalang ahli-ahli parti itu daripada mengundi sebagai kenyataan bongkak pemimpin parti itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dakwaan itu juga menunjukkan sikap sombong dan angkuh para pemimpin Pas, seolah-olah mereka sahajalah yang pergi menunaikan haji.

"Sikap sedemikian sebenarnya tidak mencerminkan dakwaan kononnya mereka didorong oleh agama. Malah sikap sombong mereka itu sebenarnya tidak disenangi oleh Tuhan dan tidak mencerminkan keperibadian Islam," katanya.

Beliau memberitahu, UMNO tidak akan memperoleh sebarang keuntungan sekiranya pilihanraya diadakan pada musim haji sebagaimana yang didakwa oleh Pas.

Menurut Perdana Menteri, sebenarnya ahli-ahli UMNO yang lebih ramai pergi mengerjakan haji berbanding ahli-ahli Pas dan UMNO sedikitpun tidak bimbang dengan keadaan tersebut.

"Kenyataan yang dibuat kononnya kita akan mengadakan pilihanraya pada musim haji untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional kerana ramai ahli Pas mengerjakan haji adalah kenyataan bongkak pemimpin Pas," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan upacara memecah tanah pembinaan terminal penumpang, pangkalan penghubung dan sistem pengendalian bagasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Pas, Fadzil Noor yang merasmikan pilihanraya umum akan diadakan pada musim haji kerana penyokong-penyokong Pas pergi menunaikan haji.

Ditanya adakah kenyataan beliau itu mengesahkan dakwaan Pas bahawa pilihanraya akan diadakan pada musim haji akan datang, Dr. Mahathir hanya berkata: "Saya tidak mengesahkan apa-apa pun."

Cuma katanya, beliau kurang senang dengan dakwaan Pas seolah-olah

pilihanraya akan datang dibuat dengan tujuan untuk merugikan parti itu (Pas).

"Sesetengah pemimpin Pas sebenarnya tidak layak memakai serban kerana tindakan mereka sebenarnya menjejaskan imej Islam.

"Pakai serban, tetapi cakap perkara yang tidak betul, sikap juga tidak mencerminkan imej keislaman. Contohnya Mohamad Sabu," tambahnya.

Menjawab soalan mengenai keinginan bekas anggota Al-Arqam menyertai UMNO, Dr. Mahathir berkata, UMNO menerima sesiapa sahaja untuk menyertai parti itu asalkan mereka sedia menerima dasar perjuangan UMNO.

"Pengikut Pas juga kita terima jika mereka mahu masuk UMNO. Contohnya Nakhai Ahmad, dahulu pemimpin Pas, kini kita terima beliau dalam UMNO.

"Cuma jika orang Pas masuk UMNO mereka sudah tentu akan dimaki oleh Pas pada hal semasa tokoh berkenaan dalam Pas, ahli-ahli parti itu memuji tokoh berkenaan, semua baik tetapi apabila masuk UMNO mereka maki pula," ujarnya.